



BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
(*FOOD SAFETY AND QUALITY DIVISION*)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(*MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA*)
ARAS 3, BLOK E7, PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 603 - 8883 3888
Faks: 603 - 8889 3815/3341
Kawat: MINHEALTH, KUALA LUMPUR

<http://fsq.moh.gov.my>
E-mail: fsq-division@moh.gov.my

Ruj Kami: (5) KKM-163/L/7-16

Tarikh : 15 Januari 2014

VET FOOD AGRO DIAGNOSTICS (M) SDN. BHD

(SAMM No: 374)

LOT 18B, Jalan 241, Seksyen 51A
46100 Petaling Jaya, Selangor

Puan,

PENGIKTIRAFAN BAGI PERLUASAN SKOP AKREDITASI MAKMAL SWASTA YANG DIIKTIRAF OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI TUJUAN ANALISIS MAKANAN UNTUK PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.


2. Terlebih dahulu Bahagian ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada makmal puan kerana berjaya mendapat akreditasi bagi perluasan skop analisis makanan daripada Jabatan Standard Malaysia (DSM) di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM).
3. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini mewakili **Kementerian Kesihatan Malaysia bersetuju untuk mengiktiraf perluasan skop akreditasi makmal dan melanjutkan pengiktirafan** kepada makmal puan berkuatkuasa serta-merta bagi **tempoh sehingga 3 Oktober 2016** seperti mana tempoh sah laku Sijil Akreditasi ISO/IEC 17025 yang dikemukakan kepada Bahagian ini. Perluasan skop yang diiktiraf oleh KKM adalah terhad kepada **jenis ujian makanan mengikut bidang pengujian berdasarkan skop akreditasi ISO/IEC 17025 yang dikeluarkan pada 27 September 2013**. Sebarang penarikan balik akreditasi oleh DSM akan menyebabkan pengiktirafan ini adalah terbatal secara automatik.

4. Segala pertanyaan lanjut, sila pihak puan hubungi Puan Nuurul Hidayah binti Sharipan di talian 03-8885 0797 (sambungan 4020)/ emel: nuurul.hidayah@moh.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(SHAMSINAR BINTI ABDUL TALIB)

b/p Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia